

## TERMA DAN SYARAT CABUTAN WOW! SSPN-i Plus 2020

### PROMOSI

1. **Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020** adalah merupakan promosi yang diadakan pada setiap tahun kepada pendeposit SSPN-I Plus sedia ada dan baharu bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengutamakan penabungan di samping membuat simpanan secara konsisten melalui SSPN-I Plus.
2. Promosi ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM1 juta dengan **hadiah kereta dan wang tunai** untuk dimenangi dalam tempoh promosi.

### TEMPOH PROMOSI

3. Tempoh promosi adalah seperti berikut:-

Kategori	Tempoh Promosi
<b>Cabutan Bulanan</b>	1 Julai – 31 Julai 2020
	1 Ogos – 31 Ogos 2020
	1 September – 30 September 2020
	1 Oktober – 31 Oktober 2020
	1 November – 30 November 2020
	1 Disember – 31 Disember 2020
<b>Cabutan Tahunan</b>	1 Januari – 31 Disember 2020

4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda Tempoh Promosi ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

### KELAYAKAN

5. Terbuka kepada **pendeposit SSPN-i Plus** sedia ada dan baharu;
6. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh:
  - a. Kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
  - b. Kakitangan HLMT dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

7. Pendeposit perlu **membuka akaun atau membuat penambahan simpanan** dalam Tempoh Promosi;
8. Pendeposit perlu **memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
9. Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada **setiap simpanan bersih RM50** (simpanan + takaful) melayakkan **satu (1) cabutan**. **Tiada had untuk bilangan cabutan**;
10. **Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif sehingga tamat Tempoh Promosi**.
11. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam Tempoh Promosi, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

### **HADIAH DAN TUNTUTAN HADIAH**

12. Setiap pendeposit berpeluang memenangi hadiah berikut:

#### **Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 – Cabutan Bulanan**

<b>Bulan</b>	<b>Hadiah Tunai</b>	<b>Bilangan Pemenang</b>
Julai	RM2,020.00	20
Ogos	RM2,020.00	20
September	RM2,020.00	20
Oktober	RM2,020.00	20
November	RM2,020.00	20
Disember	RM2,020.00	20

#### **Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 – Cabutan Tahunan**

<b>Pemenang</b>	<b>Hadiah Tahunan</b>	<b>Bilangan</b>
Utama	Kereta Mercedes C200FL AMG LINE	1
Kedua	Tunai bernilai RM50,000.00	1
Ketiga	Tunai bernilai RM30,000.00	1
Saguhati	Tunai bernilai RM500.00	1,000

13. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau apa-apa kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my);

14. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;
15. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan mana-mana hadiah (selain ganjaran tunai) dengan mana-mana barangan dengan nilai yang sama atau dari model yang sama atau berlainan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis 21 hari sebelum penukaran/penggantian dilaksanakan;
16. PTPTN akan melantik syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah yang berbentuk kenderaan kepada pemenang. Kaedah pembekalan dan penghantaran akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak PTPTN dari semasa ke semasa;
17. Pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada PTPTN untuk berkongsi maklumat mereka kepada syarikat pembekal bagi tujuan pembekalan dan penghantaran hadiah dalam bentuk kenderaan;
18. PTPTN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan /atau kesesuaian hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh syarikat pengeluaran di bawah tempoh jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu menguruskan terus dengan pihak pembekal bagi maklumat jaminan atau tuntutan (sekiranya ada) tanpa membabitkan PTPTN;
20. Hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*) dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN-*i*, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di SSPN-*i* Plus;
21. Hadiah tunai yang dimenangi perlu dikekalkan di dalam akaun SSPN-*i* **selama tiga (3) bulan daripada tarikh cabutan**. Pemenang dibenarkan membuat pengeluaran selepas tempoh tersebut;
22. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai, kos insurans atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
23. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam **tempoh DUA BELAS (12) bulan** dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut;
24. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan;

25. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam **tempoh DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan;
26. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan;
27. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

### **PERUNTUKAN UMUM**

28. Sebagai pendeposit yang mempunyai akaun aktif, pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
29. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam Kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
30. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pendeposit. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan / atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
31. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
32. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;

33. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;
34. Penyertaan pendeposit dalam Kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
35. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
36. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pendeposit, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN;
37. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

**Maklumat dikemas kini pada 13 Julai 2020**